

# Dr. M: Negeri2 boleh maju jika fahaman politik tak berbeza

11 JUN 1978  
BACHOK 28 Jun — Kerajaan Negeri boleh mencapai kemajuan yang pesat dalam berbagai bidang, sekiranya fahaman politik tidak berbeza dengan Kerajaan Pusat.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, "Kita tidak mahu pisahkan politik di negeri-negeri ini dengan berlainan ideologi."

"Kerana pemisahan yang berlainan akan menghalang pembangunan di sesebuah negeri yang sepatutnya telah lama menikmati projek kemajuan yang diperlukan bagi menjamin masa depan mereka."

Datuk Sri Dr. Mahathir menyatakan demikian di depan lebih 2,000 orang para hadirin di upacara merasmikan Dewan Bandaran Bachok yang berharga \$85 ribu di sini hari ini.

Turut sama ialah isterinya Datin Dr. Hasmah, Timbalan Menteri Besar Encik Hussein Ahmad, Pegawai Jajahan Bachok Encik Hassan Hussein dan calon Parlimen Barisan Nasional Bachok Encik Hassan Harun.

Beliau menegaskan bahawa adalah menjadi hasrat kerajaan meneruskan usaha-usaha dan menambahkan lagi usaha pembangunan yang lebih pesat di Negeri Kelantan setelah Barisan Nasional dapat menawan kembali negeri itu.

Katanya, semasa PAS memerintah Kelantan selama 19 tahun perjuangan PAS hanya terhad kepada memenangkan pilihanraya dan bukan pembangunan.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan Kerajaan Barisan Nasional sekarang bercakap atas dasar kebenaran dan menunaikan janji-janji setelah mandat yang diberi oleh rakyat itu telah terbukti.

Sebelum itu tibanya di Lapanganterbang Pangkalan Chepa pagi ini Dr. Mahathir memberitahu para pemberita bahawa pemimpin-pemimpin PAS telah hilang kepercayaan berikutan dengan issue halal-haram menjadi

Timbalan Perdana Menteri itu memberitahu dalam perjuangan kerajaan sekarang akan sentiasa menitik-beratkan perpaduan di kalangan lapisan rakyat tanpa mengira kaum.

Katanya, hasil perpaduan yang semakin erat, kerajaan lebih kukuh dan padu dalam melancarkan rancangan-rancangan pembangunan untuk faedah dan masa depan mereka.

Menurutnya, hasrat kerajaan di samping mengekalkan perpaduan di antara rakyat dan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, adakah perlu sekali mewujudkan perpaduan dengan rakyat dan Negeri Sabah serta Sarawak.

"Dengan tercapainya perpaduan yang meliputi antara kaum dan negeri dan akan memperteguhkan lagi bukan sahaja politik tetapi ekonomi rakyat seluruhnya," katanya.

Tegasnya, perpaduan di tiap-tiap negeri itu akan memberi kekuatan pula kepada negeri di seluruh negara, melipatgandakan rancangan pembangunan yang lebih pesat lagi.

Sebelum itu ketika berucap merasmikan Sekolah Kebangsaan Kedai Lalat dekat sini Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad membidas pemimpin PAS yang hanya pandai membuat janji dan bila tidak dapat dilaksanakan mereka menyalahkan Kerajaan Pusat.

perkara biasa untuk menarik rakyat mengundi PAS.

Timbalan Perdana Menteri itu menjelaskan pemimpin-pemimpin PAS termasuk Yang Dipertua Agungnya Datuk Asri Haji Muda menimbulkan perkara haram dan halal sebagai perkara kampung sahaja.

Menurutnya, bagi PAS janji-janji yang dibuat dalam manifesto dan dalam kempen-kempen pilihanraya sekarang termasuk masalah haram dan halal di segi agama Islam tidak boleh dipercayakan lagi.

Lebih dari 200 orang pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, wakil rakyat dan ketua-ketua kerajaan diketuai oleh Menteri Besar Datuk Haji Mohammad Yaakub dan timbalannya Encik Hussein Ahmad berada di lapanganterbang itu untuk mengalu-alukannya.